

**UCAPAN YBHG PROF. DATUK NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Di Majlis Perasmian
RETREAT AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN SST 2008
8.00 malam, 1 November 2008
Shangri La Rasa Ria, Tuaran, Kota Kinabalu, SABAH

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Terimakasih saudara Pengacara Majlis

Timbalan-Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

Y.Berusaha Prof Dr. Mohd Harun Abdullah

Dekan Sekolah Sains dan Teknologi

Pengerusi Retreat, Prof. Madya Dr. Baba Musta

Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua Ketua Program

Para pensyarah, tuan-tuan dan puan-puan

Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih kepada Jawatankuasa Pelaksana Retreat Akademik dan Penyelidikan SST 2008 kerana menjemput saya untuk merasmikan program ini. Pada hemat saya program yang diatur ini adalah seiring dengan hasrat untuk memperkasakan program akademik di UMS mengikut arus perkembangan IPTA di Malaysia dan juga memberi

penekanan dalam penyusunan dan perancangan aktiviti berkaitan hal ehwal penyelidikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan bahawa aktiviti retreat ini merupakan kesinambungan kepada Retreat Penyelidikan dan Pascasiswazah yang pernah diadakan pada Jun 2008, yang mana pada retreat yang lalu aspek-aspek berkaitan penyelidikan dan pasca siswazah telahpun dibincangkan. Manakala retreat kali ini memfokuskan perbincangan isu-isu berkaitan Hal Ehwal Akademik dan juga akan membuka semula perbincangan berkaitan hal ehwal penyelidikan bagi menyemarakkan lagi budaya penyelidikan di kalangan para akademia SST khususnya dan UMS secara keseluruhannya.

Saya mengharapkan agar retreat kedua tahun ini dapat dibincangkan oleh ahli secara berhemah dan kritikal untuk menghasilkan rumusan yang konkrit. Pada akhir retreat ini kelak saya berharap supaya satu ketetapan atau satu resolusi yang telah didokumentasikan secara konkrit dapat dihasilkan dan ianya tidak berakhir sampai di sini sahaja.

Penilaian semula program akademik di Sekolah Sains dan Teknologi dan persediaan dokumentasi program berpandukan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency, MQA) saya harap dapat dimulakan dalam retreat ini. Begitu juga dengan penambahbaikan program berkaitan hal ehwal penyelidikan SST yang perlu dititikberatkan demi memperkasakan aktiviti berkaitan penyelidikan. Isu-isu berkaitan aset untuk pengajaran dan penyelidikan, hal ehwal penyelidikan pasca siswazah dan keperluan sumber

manusia yang akan dibincangkan nanti, saya rasa memang tepat pada waktunya.

Saya menyarankan agar salah satu daripada aspek penyelidikan yang perlu dipertimbangkan ialah aktiviti penyelidikan yang selari dengan fokus RM9 dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang mana telah dilancarkan oleh Y. Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 29 Januari 2008 di Kota Kinabalu. Aspek yang ada hubungkaitnya dengan SST ialah yang berkaitan dengan peningkatan dan pemprosesan hasil-hasil pertanian dan bioteknologi di kawasan koridor Sabah yang terpilih.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Aktiviti berkaitan akademik khususnya pengajaran memang menjadi salah satu daripada tugas hakiki pensyarah di Instituti Pengajian Tinggi Awam. UMS sebagai universiti pengajaran secara puratanya masih lagi memikul beban pengajaran yang agak tinggi berbanding Universiti Penyelidikan dan APEX Universiti iaitu 12 jam seminggu. Namun saya menyeru kepada ahli akademik supaya dapat terlibat dalam aktiviti penyelidikan sebab semua telah maklum, salah satu kriteria penting untuk kenaikan pangkat ialah adanya aktiviti penyelidikan, dimana hasil penyelidikan ini akan diterbitkan dalam journal dan dibentangkan dalam seminar dalam dan luar negara. Selain daripada itu aktiviti lain ialah menjalankan kerja perundingan, dan khidmat masyarakat.

Pensyarah bergelar Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan sepatutnya telah mengetuai sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan dan bertanggungjawab untuk membimbing pensyarah-pensyarah yang baru. Sebagai satu langkah mewujudkan budaya penyelidikan saya juga sarankan supaya adanya penyelidikan secara bersama, sama ada dalam program yang sama, di kalangan ahli sekolah, atau dengan sekolah lain, mahupun bersama institusi lain. Ini adalah penting bagi meningkatkan lagi kualiti penyelidikan sekaligus mewujudkan jaringan kerjasama. Pada masa yang sama juga para penyelidik boleh membimbing pensyarah – pensyarah baru atau pelajar pasca dalam penyelidikan tersebut.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya difahamkan bahawa rekod bilangan penyelidikan yang diperolehi oleh pensyarah-pensyarah di SST pada tahun 2006 dan 2007 daripada KPT dan MOSTI ialah sebanyak sebanyak 25 penyelidikan dengan jumlah lebih kurang RM2.23 juta. Saya juga difahamkan pada tahun 2008, SST hanya memperolehi 1 Sciencefund, satu FRGS dan 8 seed money yang bernilai RM2.59 juta. Pada hemat saya jumlah yang diperolehi ini adalah masih belum begitu membanggakan dan perlu dipertingkatkan lagi.

Saya juga faham akan masalah kekurangan tenaga akademik yang merupakan kekangan utama menyebabkan kurangnya tumpuan untuk mendapatkan geran penyelidikan. Pihak pengurusan Universiti memang memahami masalah ini, dan berusaha mengatasi masalah mendapatkan bilangan pensyarah yang optima iaitu satu program untuk 12 pensyarah akan

terlaksana. Buat sementara waktu, para penyelidik disarankan untuk mendapatkan khidmat para pembantu penyelidik atau pelajar-pelajar pasca siswazah untuk meneruskan penyelidikan.

UMS begitu peka dengan misi nasional 2006 yang disarankan oleh Perdana Menteri. Oleh itu Selaras dengan Teras pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan negara maka pihak pengurusan telah mengambil inisiatif untuk menyokong penubuhan beberapa pusat kecermerlangan di UMS. Setakat ini pusat kecemerlangan di SST yang telah menubuhkan ialah Pusat Kajian Bencana Alam yang diketuai oleh Prof Dr Felix Tongkul. Pusat Kajian Bencana Alam telah memulakan operasi yang memperlihatkan kemajuan

berdasarkan kepada pejabat tetap dan aktiviti berkaitan yang sedang rancak berjalan. Sejak penubuhan pusat ini dua tahun lepas, saya difahamkan beberapa penyelidikan berkaitan dengan bencana alam seperti tanah runtuh, banjir dan tsunami sedang giat dijalankan oleh pusat ini. Mungkin isu ini boleh dibahaskan dalam retreat ini. Saya mendapat maklumat daripada TNC (P&I) tentang perkembangan setiap pusat penyelidikan di UMS dan status pusat-pusat ini sama ada perlu dinaik taraf kepada Institut atau kekal sebagai gugusan penyelidikan (research cluster) sahaja.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya berharap semoga retreat ini menjadi medan pertemuan terbaik di kalangan para pensyarah SST khususnya dalam rangka mempertingkatkan program akademik dan aktiviti penyelidikan. Perbincangan sesama ahli

akademik memang perlu dijalankan untuk mewujudkan percambahan minda dan bertukar-tukar fikiran untuk kebaikan SST juga. Saya yakin melalui retreat ini maka SST akan semakin berkembang maju seiring dengan sekolah lain di UMS dan berjaya tumbuh dan berkembang dengan jayanya seiring dengan institusi lain di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Ini adalah sebagaimana yang telah dihasratkan melalui cetusan wawasan negara untuk mewujudkan negara Malaysia yang bertaraf negara maju pada 2020 dimana generasinya kelak memiliki minda berteraskan sains dan teknologi yang tinggi.

Semoga dengan hasil daripada bengkel yang dijalankan ini, maka SST dapat menghasilkan satu saranan dan resolusi yang mantap dan konkrit. Kami pihak pengurusan UMS akan cuba menilai mana-mana resolusi yang dapat

kami bantu demi menaikan nama UMS. Akhir kata dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya merasmikan RETREAT AKADEMIK DAN SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI, UMS PADA TAHUN 2008.

Sekian. Wassalammualaikum wbt.